

54 projek tebatan banjir

Oleh **THOMAS CHONG**

pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 26 Nov. - Kerajaan memperuntuk RM808 juta pada tahun ini untuk melaksanakan 54 projek tebatan banjir dengan tumpuan kepada pencegahan kejadian yang berpunca daripada limpahan sungai.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas (**gambar**) berkata, banjir akibat limpahan sungai membawa kerosakan lebih buruk dan melibatkan lebih ramai mangsa berbanding banjir kilat yang disebabkan masalah saluran tempatan.



“Kita perlu faham bahawa tanpa tindakan pencegahan yang dilaksanakan, kejadian banjir akan berlaku lebih kerap dan lebih teruk lagi,” katanya ketika berucap dalam Forum Pengurusan Sumber Air Malaysia 2012 di sini hari ini.

Ucapan Douglas itu dibacakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk Ir. Ahmad Husaini Sulaiman.

Dalam majlis yang sama, Ahmad Husaini turut melancarkan Sistem Repositori Maklumat Pengurusan Air Bersepadu yang merupakan gedung maklumat berpusat mengenai sumber air negara.

Mengenai penggunaan air negara ini, Douglas berkata, pengairan untuk pertanian merupakan pengguna terbesar sumber air di Malaysia iaitu sebanyak 51 peratus diikuti dengan domestik dan industri sebanyak 33 peratus.

Beliau berkata, keadaan itu bermakna langkah-langkah penjimatan air bagi sektor tersebut perlu diberi perhatian bagi mengurangkan pembaziran.

“Kajian menunjukkan bahawa di kawasan jelapang padi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dengan keluasan lebih kurang 100,000 hektar, efisiensi pengairan adalah pada purata 70 peratus.

“Begitu juga dengan penggunaan air untuk domestik dan industri di mana turut berlaku kehilangan air yang banyak berpandukan kepada rekod air tak berhasil di negeri-negeri yang mencatatkan purata 36 peratus,” katanya.

Mengulas lanjut, Douglas berkata, sungai menyumbang lebih 95 peratus daripada bekalan air di negara ini tetapi malangnya sunga-sungai terutamanya yang melalui kawasan pesat membangun seperti Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru semakin terancam.

“Menurut pemantauan kualiti air sungai yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 2011, sebanyak 8.4 peratus sungai di negara ini adalah tercemar, 32.3 peratus sedikit tercemar dan 59.3% adalah bersih,” katanya.